

4.7 juta isi rumah berpendapatan rendah terus dibantu melalui BR1M Malaysian Insider Oct 23, 2015

Menyedari kenaikan kos sara hidup, kerajaan terus komited untuk meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah melalui penambahbaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Menurut laporan ekonomi 2015/2016 , sehingga Ogos 2015, seramai 4.7 juta isi rumah berpendapatan rendah dan 2.7 juta individu bujang menerima manfaat daripada BR1M berjumlah RM 3.5 billion.

Laporan itu menyebut pada 2015, kerajaan menaikkan amaun BR1M daripada RM650 kepada RM950 untuk isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah serta daripada RM450 kepada RM750 untuk isi rumah berpendapatan sederhana antara RM3,001 dan RM4,000 sebulan.

"Bayaran BR1M dibuat secara 3 kali iaitu pada bulan Januari, Mei dan September 2015. Di samping itu, BR1M untuk individu bujang berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan bulanan di bawah RM2,000 dinaikkan daripada RM300 kepada RM350.

"Sementara itu, kerajaan menggantikan insurans takaful berkelompok (i-BR1M) dengan Skim Khairat Kematian bagi melayakkan waris penerima BR1M menerima RM1,000 sekiranya berlaku kematian," kata laporan itu.

Menurut laporan itu, kerajaan juga terus komited untuk memastikan penyeragaman harga barang di seluruh negara melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (PCAP) 2011.

Lebih 1.5 juta pemeriksaan dijalankan di seluruh negara sehingga September 2015 melalui Ops Catut bermula awal tahun ini untuk meningkatkan penguatkuasaan bagi menghalang kenaikan harga berikutan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

"Sebanyak 2063 notis dikeluarkan kepada peniaga di bawah Seksyen 21, Akta PCAP 2011 kerana disyaki mengambil untung berlebihan," kata laporan itu.

Bagi mengawal dan memantau harga barangan, seramai 1,218 Pegawai Pemantauan Harga (PPH) ditugaskan untuk memantau lebih 500 barangan meliputi barangan runcit, perkakasan rumah dan makanan dimasak.

Menurut laporan itu, bagi mengukuhkan pemantauan harga, Skwad Pengguna terdiri daripada sukarelawan diwujudkan untuk membantu aktiviti pemantauan harga barangan dan perkhidmatan, dan sehingga Ogos 2015, sejumlah 233,243 sukarelawan yang terlibat. – Bernama, 23 Oktober, 2015.

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/4.7-juta-isi-rumah-berpendapatan-rendah-terus-dibantu-melalui-br1m>